

☒ Sinar Harian
☐ Sinar Ahmad
Tarikh: 31/5/2012
Hari: Khamis MS: 10
Ruang: Masi 049L

ASNB bantu fahami teori ekonomi

SINTOK - Penuntut Universiti Utara Malaysia (UUM) yang berpeluang mengikuti Seminar Pelaburan 360 hari Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB), menyedari pelaburan jangka panjang amat membantu mereka menguruskan kehidupan dengan lebih baik.

Penasarah Kejuruteraan Ekonomi, Ahmad Shabudin Ariffin berkata, seminar berkenaan amat membantu pelajar mereka memahami subjek ekonomi dengan lebih baik termasuk mengaplikasikan ilmu berkenaan dalam kehidupan.

Menurutnya, seramai 60 penuntut dipilih menyertai seminar kali kedua yang dianjurkan bersama ASNB dan turut memberi kesempatan kepada pelajar membuat pertandingan situasi sebenar industri pelaburan.

"Saya percaya penuntut mendapat asas untuk me-



Pelajar mengikuti ceramah yang diadakan.

rancang pelaburan selain membuat analisis secara ribadi termasuk memahami teori ekonomi dengan lebih berkesan," katanya.

Sementara itu, penuntut tahun dua jurusan Teknologi Pengurusan, Najwa Mohd

Nasir, 21, berkata, melalui seminar berkenaan dia mendapat gambaran lebih jelas mengenai peranan ASNB serta kelebihan menyimpan wang dalam ASNB.

"Pelbagai maklumat berguna diperolehi seperti situasi

sebenar pelaburan yang semakin bertambah pada masa depan dengan hasil pelaburan kecil pada masa sekarang," katanya.

Rakannya, Phang Chin Yee, 22, berkata, dia mendapat informasi bermanfaat untuk



YUGANRAJ

digunakan dalam menguruskan kewangan peribadi terutamanya apabila melangkah ke alam pekerjaan kelak.

"Walaupun sebelum masuk universiti saya pernah bekerja, namun duit yang diperolehi habis tanpa disimpan tetapi kali ini saya akan lebih berusaha untuk membuat pelaburan jangka panjang terutamanya apabila berkelahwin serta mempunyai keluarga sendiri," katanya.

Menurut Yuganraj



NAIWA

Shakaran, 22, penuntut perlu menggunakan sedikit peruntukan dari pada wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk disimpan serta dilabur bagi mendapat pulangan yang lebih lumayan.

"Seminar ini turut membantu penuntut mendapat maklumat plan yang bersesuaian dengan kemampuan penuntut untuk melabur dalam ASNB," katanya.